



DEWAN PERHIMPUNAN CHINA KUALA LUMPUR DAN SELANGOR

吉隆坡暨雪兰莪中华大会堂

*The Kuala Lumpur and Selangor Chinese Assembly Hall*

[Kenyataan Media]: **Jangan alih fokus dengan hujah perkauman**

Pemuda Dewan Perhimpunan Cina KL-Selangor (KLSCAH) menyeru agar masyarakat umum bertenang ketika berdepan dengan rusuhan yang berlaku lantaran perselisihan yang tercetus daripada sebuah telefon bimbit di Plaza Low Yat pada 11 Julai 2015. Rakyat diseru supaya jangan sengaja mengada-ada, mahupun menyebarkan hujah perkauman, sehingga mengaburi fokus kejadian tersebut, malah menjadikan pertentangan antara etnik semakin meruncing.

Pemuda KLSCAH menolak sebarang bentuk keganasan fizikal, malah berpendirian bahawa pencetusnya wajar dihukum sebagai amaran kepada semua. Kami mengecam sekeras-kerasnya tindak-tanduk sekumpulan perusuh yang mengadakan protes di Plaza Low Yat, dengan mengeluarkan hujah perkauman, malah menyerang wartawan dan kereta. Hakikatnya, vandalisme dilakukan untuk melepaskan geram dengan meminjam nama perhimpunan dan protes. Justeru itu, kami memohon agar polis mengambil tindakan segera untuk menangkap pencetus kejadian itu demi keamanan masyarakat.

Selain itu, isu yang menjadi pertikaian ini tidak membabitkan kepentingan awam, wajar diserahkan untuk siasatan polis terlebih dahulu. Jangan masyarakat awam berlagak untuk menjadi polis (vigilante), malah mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman. Ia bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah, malah menaburkan benih dendam di antara etnik. Oleh itu, Pemuda KLSCAH menyeru agar semua kumpulan etnik mengawal diri, malah bertanggungjawab ke atas kenyataan diri. Jangan mengeluarkan hujah-hujah yang tidak benar di laman media sosial sewenang-wenangnya.

Pemuda KLSCAH menyeru agar rakyat bersikap matang ketika berdepan dengan kejadian ini. Jangan kita terperangkap dalam hujah perkauman sehingga fokus kejadian ini dialih. Selain itu, isu perselisihan lantaran telefon bimbit ini adalah kes terasing, yang tidak memadai untuk dijadikan isu yang mencuri perhatian seluruh negara. Untuk itu, kami menggesa agar rakyat terus mengambil berat tentang isu yang ada kaitannya dengan kepentingan awam negara, misalnya skandal 1MDB dengan RM2.6 bilion-nya, jangan dialih fokus hanya kerana dikaburi pandangan dengan sentimen perkauman.

(tamat)